



Pelita Brunei
KEMERDEKAAN

13 MAC, 1985

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

MENGATASI KECURIGAAN SETENGAH-SETENGAH KALANGAN TERHADAP KONSEP MIB

KONSEP negara Melayu Islam Beraja yang sedang diketarakan telah dikatakan menimbulkan kecurigaan di kalangan setengah-setengah kelompok masyarakat. Ia juga telah disifatkan memeranjatkan kalangan-kalangan tertentu yang lain.

Apakah yang sebenarnya yang dicurigakan? Dan mengapa pula konsep yang terkandung

dalam titah Pemasyhuran Kemerdekaan setahun dahulu itu sampai memeranjatkan?

Mengenai konsep MIB awal-awal lagi telah kita tegaskan bahawa ia bukan suatu yang baharu. Ia sudah turun-temurun menjadi kenyataan dan mencorakkan sosio-politik serta sosio-budaya kita. Dalam hal itu ia telah teruji dan terbukti mendatangkan kebajikan kepada negara dan rakyat serta penduduk-penduduk. Penegasan ini bertujuan untuk meyakinkan semua pihak bahawa tidak sepatutnya akan timbul sebarang kejutan politik dan kejutan budaya berikutan dari usaha-usaha mengketarakan konsep tersebut. Sebab ia adalah lanjutan dan penerusan corak, sifat dan unsur negara ini sebagai sebuah negara Melayu yang terbentuk dengan pengaruh Islam dan berkerajaan secara berpemerintahan beraja oleh sultan-sultan Melayu yang beragama Islam.

Kita telah menegaskan sedemikian. Kalau pun mungkin penegasan itu kurang jelas tetapi apa yang kita tegaskan itu adalah berdasarkan hakikat dan realiti sosio-politik serta sosio-budaya rakyat di negara ini. Maka tidak patut timbul sebarang kekeliruan apa lagi kecurigaan jika konsep MIB itu dilihat dan disedari berasaskan hakikat serta kenyataan tersebut. Dan tidak sepatutnya ada orang yang terkejut lalu merasa bimbang terhadap usaha mengketarakan konsep tersebut sebab usaha yang sedang dibuat dan akan dilakukan adalah suatu perkara biasa bagi

menguukh serta meneguhkan ciri-ciri kenegaraan kita yang turun-temurun.

Jika kecurigaan terhadap konsep itu berbangkit dari kurang pengertian dan pemahaman maka itu adalah perkara-perkara biasa yang mudah diatasi. Tetapi jika konsep itu sendiri yang dicurigai iaitu dalam makna hakikatnya dan unsur-unsurnya maka hal itu adalah suatu tanda keengganan dan keberatan untuk menerimanya. Dalam keadaan sedemikian ia mungkin berpunca dari jangkaan yang melesit semasa pencapaian semula kemerdekaan yang kononnya akan mengubah corak dan sifat negara menerusi perubahan dasar-dasar utama yang telah lama berkuatkuasa.

Maka memanglah tidak dijangkakan orang-orang yang sedia menaruh prasangka terhadap ciri-ciri utama kenegaraan akan melihat konsep MIB menepati aspirasi mereka padahal konsep itu adalah menjadi aspirasi nasional. Mereka sebaliknya tentu akan mencurigai bukan sahaja konsep tersebut bahkan sebarang usaha memperjelasnya yang sudah tentu akan menegaskan kedudukan hakikat serta kenyataan sosio-politik dan sosio-budaya negara ini sebagai negara Melayu Islam Beraja.

Oleh yang demikian dalam menghadapi orang-orang yang dikatakan curiga atau bimbang terhadap konsep MIB itu kita sendiri hendaknya mempunyai pemahaman yang jelas dengan meyakini setiap ciri di dalamnya. Penilaian

terhadap reaksi berbagai-bagai pihak berikutan usaha mengketarakan konsep tersebut mestilah dibuat berhati-hati dan mengambil kira sepenuhnya kepentingan mengekalkan negara kita ini sebagai negara Melayu Islam Beraja yang Merdeka, Berdaulat, Demokratik bersendikan ajaran-ajaran agama Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Tidak sepatutnya kecurigaan yang tidak berasas akan mempengaruhi penilaian kita terhadap usaha mengketarakan konsep tersebut. Lebih tidak patut lagi jika kita kelihatan seolah-olah panik memikir dan menimbangkan kecurigaan yang datang dari kalangan orang-orang yang memang sedia tidak menyangkal setengah-setengah dasar utama negara.

Apa yang patut kita lakukan ialah memahami konsep itu sejas-jelasnya kepada mereka yang curiga kerana tidak memahaminya. Sementara kepada orang-orang yang curiga kerana enggan dan keberatan untuk menerima konsep itu kita hendaklah tegas memberitahu mereka supaya menimbangkan sikap serta pendirian yang patut mereka ambil dalam menyesuaikan diri dengan aspirasi negara.

Dalam kedua-dua hal ini memang tidak sepatutnya kita kelihatan bersikap melampau bahkan kita hendaklah terus sederhana. Kesederhanaan kita tentu pula disesuaikan dengan keadaan-keadaan yang berbangkit tetapi yang pasti kita mestilah bersikap terlibat dalam menentukan konsep MIB itu akan terus menjadi landasan yang teguh serta matlamat yang jelas bangsa kita.

'KEUPAYAAN' NEGARA HENDAKLAH DIKEKALKAN

KUALA LUMPUR. — Keupayaan negara dalam beberapa perkara semenjak mencapai kemerdekaan penuh lagi berdaulat hendaklah dikekalkan dan disuburkan, yang mana usaha ke arah itu adalah menjadi tanggungjawab bersama pegawai-pegawai, penuntut-penuntut dan rakyat seluruhnya.

Kerana itu, pegawai-pegawai Kerajaan dan penuntut-penuntut yang mengikuti pelbagai kursus dan pengajian dalam jurusan tertentu di Malaysia dinasihatkan supaya tidak mengabaikan harapan rakyat dan negara dalam memperolehi kejayaan.

Berucap di Upacara Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang diadakan di rumah kediaman rasmi Pesuruhjaya Tinggi Brunei Darussalam ke Malaysia TYT Awang Haji Jaya bin Abd Latif berkata bahawa kejayaan negara telah

terbukti di mana dalam masa yang singkat sejak kemerdekaannya, Brunei Darussalam telah berjaya memasuki Pertubuhan-pertubuhan antarabangsa dan wilayah.

Ini katanya, menambahkan populariti negara di kalangan masyarakat dan dunia antarabangsa dan mencerminkan kepada negara-negara luar yang Brunei Darussalam berkeupayaan untuk berbuat demikian.

Tuan Yang Terutama Awang Haji Jaya dalam ucapan alu-aluannya di majlis itu menggesa supaya pegawai-pegawai dan penuntut-penuntut lebih menumpukan taat setia kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Kerajaan Baginda, berlandaskan ciri-ciri keBruneian dari segi pergaulan, percakapan dan tingkah laku.

Awang Haji Jaya menjelaskan bahawa Pejabat Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam di Kuala Lumpur akan sentiasa menghulurkan kerjasama demi kesejahteraan dan kebajikan pegawai dan penuntut-penuntut yang menjalani kursus dan pengajian di Malaysia.

Akan tetapi, di samping menghulurkan kerjasama itu, dengan mengikut lunas-lunas dan peraturan tertentu, pihaknya tidak akan teragak-agak untuk menguatkan peraturan jika langkah-langkah yang diambil itu bertentangan dengan peraturan-peraturan yang dimaksudkan.

Majlis yang diadakan pada 23 Februari lalu dihadiri oleh lebih 200 orang pegawai dan penuntut Brunei di Malaysia. Majlis bermula dengan Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam.

Awang Mohd Shahrin bin Abdullah seorang anggota Polis Diraja Brunei yang sedang berkursus di sana berpendapat bahawa perjumpaan hari itu melambangkan perpaduan dan identiti keBruneian yang sejati, yang bukan saja menjadi satu kebanggaan malah akan dapat memupuk kesedaran bermasyarakat dan bernegara.

Sementara Awang Tengah bin Haji Salleh, dari Pusat Sejarah, Dayang Rohana Haji Abdul Latif penuntut tahun dua Universiti Sains Malaysia di Pulau Pinang dan Awang Abdul Ghani bin Muhammad dari Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei menyatakan rasa gembira dengan perhimpunan penuntut-penuntut dan pegawai-pegawai dari negara ini.

Di sebelah malamnya telah diadakan satu Majlis Jamuan Kesukuran di sebuah hotel terkemuka di Kuala Lumpur. Ianya juga telah dihadiri oleh seramai 200 orang para jemputan yang terdiri dari Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan dan kedutaan asing di Malaysia.

Turut hadir ialah Menteri Penerangan yang mewakili Negara Malaysia, Datuk Haji Rais Yatim, Menteri Besar Selangor, Datu Haji Ahmad Razali bin Mohd Ali dan Penglima Angkatan Tentera, Jeneral Tan Sri Ghazali Mohd Seith.

Mesyuarat agung

KUALA BELAIT. — Persatuan Ikhwanul Muslimin Kuala Belait akan mengadakan mesyuarat agungnya pada Ahad 17 Mac bertempat di Dewan Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait.

Mesyuarat yang akan bermula jam 8.30 pagi itu ialah bagi memilih ahli-ahli Jawatankuasa Tadbir baru bagi tahun 1985 dan 1986. Kadi Daerah Belait, Awang Haji Salim bin Haji Besar akan merasmikan mesyuarat tersebut.

Ahli-ahli Persatuan Ikhwanul Muslimin adalah dipersilakan hadir ke mesyuarat tersebut.



TUAN Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Brunei Darussalam ke Malaysia, Awang Haji Jaya bin Abd. Latif (nombor 5 dari kiri) bergambar ramai semasa sambutan Hari Kebangsaan Brunei Darussalam di Malaysia; sementara bawah, isteri Tuan Yang Terutama, Hajjah Halimah Aston (nombor 6 dari kiri) bergambar ramai dengan pegawai-pegawai dan penuntut-penuntut wanita yang menghadiri majlis itu. (Laporan, Awg. Hj. Ahim Hj. Ibrahim, Gambar oleh Awg. Nayan Muhammad)



Peraduan Kuiz

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran akan menganjurkan peraduan kuiz bagi Sekolah-Sekolah Rendah dan Menengah seluruh negara bagi tahun 1985.

Peraduan itu akan diadakan secara berperingkat-peringkat iaitu peringkat sekolah, antara sekolah, daerah/zon serta peringkat negara.

Tema peraduan berasaskan kepada konsep Negara Melayu Islam Beraja dan ianya akan diadakan dalam dua bahagian iaitu Bahasa Melayu bagi Sekolah Rendah Kerajaan dan Sekolah-Sekolah Menengah Bawah dan Bahasa Inggeris bagi Sekolah-Sekolah Menengah Atas.

Peraduan ini diadakan bertujuan untuk mendukung

kecerdasan akal penuntut-penuntut bagi menimbulkan perasaan ingin tahu akan pelajaran yang dipelajari di samping bagi menguji kepandaian dan kecerdasan penuntut-penuntut di dalam mata pelajaran yang mereka pelajari termasuk pengetahuan am dan hal-ehwal semasa.

Peraduan itu dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu untuk murid-murid sekolah rendah di dalam darjah empat hingga enam atau Prep dua hingga tiga atau Dwibahasa Satu.

Kedua ialah bagi penuntut-penuntut sekolah menengah tingkatan satu hingga tiga. Sementara ketiga dibukakan untuk penuntut-penuntut tingkatan (IV) dan (V).

Pegawai Polis ke Bangkok

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang pegawai kanan Polis Diraja Brunei telah berlepas ke Kota Bangkok pada hari Sabtu lepas untuk menghadiri Bengkel Latihan Undang-Undang dan Penguatkuasaan.

Mereka terdiri dari Penolong Pesuruhjaya Kanan Polis, Dato Haji Ismail bin Pehin Datu Pekerma Dewa Awang Haji Abd Rahim dengan Penguasa Polis, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Perkasa Pengiran Haji Hamdan bin Pengiran Haji Ismail.

Bengkel yang dianjurkan oleh ASEAN itu akan berlangsung selama empat hari dari 11 hingga 14 Mac, 1985.



DAYANG Masni

Berkursus

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka telah menghantar seorang pegawainya untuk mengikuti latihan penempatan di Arkib Negara di Jalan Duta, Kuala Lumpur.

Pegawai tersebut, Dayang Masni binti Sahaban mengikuti latihan tersebut selama satu bulan di bawah Skim Latihan Dalam Perkhidmatan.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS... Siri ke-268

Orang-orang Mulhid dan orang-orang fasik diangkat dan dipuji oleh orang ramai:

DIRIWAYATKAN oleh Al-Imam-Imam Ibnu Abid Dunia dalam Dzammul Ghibah, Abu Yu'la, Al-Baihaqi dalam Asy-Syu'ab Abu Nu'aim dalam At-Tarikh dan lain ulama hadis dari hadis sahabat Anas daripada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam artinya: "Apabila dipuji orang fasik, nescaya Tuhan murka dan bergoncang Arsyur-Rahman (Arasy Tuhan) dengan sebab itu."

Sekarang orang-orang memuji orang-orang fasik dan orang-orang Mulhid yang keluar dari agama Islam dan tiada didengar orang memuji orang alim yang takutkan Allah, atau orang salih wali Allah, bahkan orang menyebut mereka (orang-orang salih), dan kadi-kadi dan imam-imam dengan segala sifat kekurangan, sifat khianat dan keji, diejek-ejek.

Orang-orang Mulhid itu simbol mereka bermusuhan berkelahi dan berpecah-pecah

Dari sahabat Abdullah bin Mas'ud Radhiallahu 'Anhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang artinya: "Bahawa mula-mula umat Islam ini ialah orang baik-baik, dan akhir umat Islam ini ialah orang-orang jahat, yang berkelahi dan berpecah-belah." (Hadis ini diriwayatkan oleh Al-Imam Hibban).

Inilah sifat-sifat orang Mulhid berpecah-belah dalam barisan mereka dari satu masa ke satu masa sebab fitnah, tiada amanah di antara mereka dan tiada stabil hal-ehwal mereka, bagaimana dalam hadis-hadis lain yang menerangkan segala hal-ehwal orang-orang Mulhid itu.

Orang-orang Mulhid (Ateis) itu membinasakan orang Islam:

Diriwayatkan oleh Al-Iman Al-Hakim dalam Al-Mustadarak dari hadis sahabat Tahuban Radhiallahu 'Anhu bahawa dia telah mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang kira-kira bermaksud: "Bahawa Tuhan saya telah menghimpunkan dari merapatkan bumi ini kepada saya, sehingga saya telah lihat pihak-pihak timurnya dan baratnya, dan Tuhan saya telah kurniakan saya dua pertarungan merah dan putih (emas dan perak), dan umat saya akan sampai kerajaan mereka sejauh mana Tuhan saya telah rapatkan bumi kepada saya (suatu masa umat Islam telah berkerajaan di pulau-pulau Luzon dan kerajaan Turki sampai ke pintu-pintu bandar raya Vienna di tengah-tengah Eropah dan sampai ke sempadan Perancis dari Negeri Spain (Sepanyol) dan ke tengah-tengah Benua Afrika dan Asia) dan bahawa saya memohon kepada Tuhan saya kerana umat saya, supaya jangan Allah binasakan mereka dengan sebab kemarau yang rata, maka Tuhan saya telah kurniakan (kabulkan) doa saya itu dan saya telah memohon supaya jangan Allah memberi kepada seteru yang lain daripada mereka akan menguasai mereka, maka Tuhan saya telah kurniakan doa saya itu dan saya telah mohon supaya jangan Allah kenakan kejahatan setengah umat saya ke atas setengahnya, maka Tuhan saya telah enggan menerima doa saya itu, dan Tuhan saya telah berfirman: "Ya Muhammad bahawa Aku apabila Aku telah putuskan sesuatu qada maka tidak boleh ditolak, bahawa Aku telah berikan kepada kamu bagi pihak umat kamu supaya tiada Aku binasakan mereka dengan kemarau yang rata dan supaya Aku tidak beri kemenangan sesuatu seteru yang lain daripada mereka, ke atas mereka dan seteru itu membinasakan dan menghancurkan umat kamu itu, sekalipun berhimpun musuh-musuh itu dari penjuru alam, sehingga setengah mereka itu membinasakan oleh setengah akan setengah yang lain dan setengah mereka itu menawan oleh setengah akan setengahnya, "dan bahawa saya tiada takut berlaku ke atas umat saya, melainkan dari pihak ketua-ketua dan orang-orang yang sesat membuat sesat, (seperti orang-orang Mulhid), dan tiada akan bangkit hari kiamat sehingga beberapa kabilah suku-suku daripada umat saya mengikut dan jadi golongan orang-orang musyrikin menyekutukan Allah, dan sehingga beberapa kabilah (suku-suku) daripada umat saya menyembah berhala, dan apabila dihunuskan pedang pada umat saya, maka tiadalah diangkat mata pedang daripada mereka sehingga hari kiamat sabdanya: semuanya berlaku dalam seratus tahun."

Diriwayatkan oleh Al-Imam Ahmad dari hadis sahabat Syaddaad bin Aus seperti hadis di atas sehingga pada perkataan yang bererti: "Sehingga umat saya akan membinasakan oleh setengahnya akan setengahnya dan menawan oleh setengah akan setengahnya, bahawa saya tiada takut kena ke atas umat saya, melainkan saya takut akan ketua-ketua yang membuat sesat ke atas umat saya dan apabila dihunuskan pedang pada umat saya, maka tiadalah diangkat mata pedang itu sehingga hari kiamat."

Dalam Mustadrakul Hakim dari hadis sahabat Abdullah bin Mas'ud dalam perkara Al-Fitnah, saya berkata: "Ya Rasulullah bila berlaku perkara itu?" Sabdanya, "Berlaku keganasan ke atas umat saya itu pada ketika berlaku pembunuhan ketika seseorang itu tiada dapat aman dan bimbang daripada kawan yang duduk bersama-samanya."

Dimulikan Pehin, bahawa kecantikan yang disukai oleh Allah itu jangan dicemari dengan kecantikan yang ditegahnya, ujarnya semasa menyempurnakan Majlis Penutup Kursus Amali Al-Quran dan Kaligrafi Islam anjuran Persatuan IQRA Brunei Darussalam bertempat di Dewan Sekolah Ingeris Kerajaan, Mabohai baru-baru ini.

Yang Dimulikan Pehin berkata, kursus tersebut merupakan satu usaha yang sangat menggalakkan dan mendatangkan faedah kepada yang mengusahakannya, bukan hanya dijadikan

sebagai kepandaian untuk perhiasan rumah sendiri tetapi dapat juga dijadikan satu usaha untuk mendapatkan mata pencarian kerana hiasan yang sedemikian itu termasuk di dalam kategori mencantikan pemandangan kepada manusia.

Kursus yang diadakan selama seminggu itu telah bermula pada 24 Februari, 1985 bertempat di Sekolah Ingeris Mabohai, yang telah dikendalikan oleh dua orang penceramah yang di datangkan khas dari Republik Indonesia. Seramai lebih dua puluh orang telah mengikuti

ATEISMA (Bahagian kedua)

Orang-orang Mulhid suka berkahwin dengan orang Eropah dan bencikan anak bangsanya:

Diriwayatkan oleh Al-Imam At-Tabrani dalam Al-Mu'jamul Kabir dari hadis sahabat Abi Umamah bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: "Tiadalah bangkit hari kiamat sehingga kamu balik semua jadi berkebun dan bertanam, (sebab banyak alat-alat membajak dan bertanam dan kemudahan-kemudahan air dan sebagainya sebagaimana sekarang di Tanah Arab dan lain-lain negeri Islam) sehingga seseorang itu (orang Arab) senghaja melamar perempuan Nabti (orang 'Ajam di Tanah Iraq) dan ia berkahwin dengan perempuan itu kerana mencari sara hidup dan ia tinggalkan anak perempuan bapa saudaranya dan tiada ia ingin berkahwin dengan anak perempuan bapa saudaranya itu."

Inilah yang dibuat oleh orang-orang Mulhid dari bangsa Arab itu, mereka berkahwin dengan perempuan Eropah, kerana sukakan orang Eropah dan bencikan orang Arab dan kebangsaan Arab, sekalipun mereka menyangka diri mereka masih berbangga dengan kebangsaan Arab pada memelihara bahasa Arab dan negeri-negeri yang sangat terjejas dengan orang-orang Mulhid itu ialah negeri-negeri Maghribi (Utara Afrika), Sham dan Iraq, sekali pun ada juga di negeri-negeri Islam yang lain bagaimana kata Al-'Allamah Ahmad As-Siddiq pengarang Mutabaqatul Ikhtiraatil Asriyyati Lima Akhbarabihi Sayyidul Bariyyah (Sallallahu Alaihi Wasallam).

Berhubung kahwin bangsa asing itu, saya bawalah suatu cerita yang ditulis oleh tuan guru Al-'Allamah Syaikh Syuyukhil Asril-Syaikh Muhammad

Zahidul Kauthari dalam Kitab Maqatul Kauthari:

Negeri Shumni dari Negeri Bulgaria itu, pusat Islam yang besar zaman pemerintahan Islam (zaman pemerintahan Turki), Mufti Negeri Shumni itu seorang tua berumur, lagi seorang alim yang terkenal, telah berkhidmat kepada ilmu Islam dan Uqama Islam dengan bersungguhsungguh sebagaimana diketahui oleh penduduk negeri itu, pada suatu hari datang seorang besar yang terkenal daripada orang-orang Islam negeri itu, minta fikiran, dia hendak kahwin anak perempuan dengan seorang ahli kitab yang baharu masuk Uqama Islam, setelah ia memuji orang muallaf itu dengan berbagai-bagai pujian, maka mufti itu nashatkan dia supaya ia bersabar dan tengok dahulu dalam perkara kahwin itu, sekalipun orang itu menunjukkan baik dalam agama baharu itu, kerana iman dalam hati susah hendak diselok, barangkali rupa orang itu lain dari rupa petunjuk yang dianutnya, maka orang besar Islam itu pun tiada senang di atas kukuh pendirian mufti itu dalam pendapatnya, sehingga terpaksa mufti itu berterus-terang dengan berkata: "Saya ini seorang kanak-kanak bangsa Bulgaria jadi anak angkat kepada seorang Islam, dan ia pelihara saya dan didik saya dengan baik, kemudian ia menghantar saya ke Istanah (Istanbul) (Azhar orang Islam pada zaman itu). Dan saya telah mengaji ilmu-ilmu Islam di tangan guru-guru yang besar dalam sekolah-sekolah Islam tinggi di sana dan saya telah dapat berbagai-bagai ilmu dan saya diangkat menjadi mufti di negeri ini, dan saya kekal menjadi mufti sehingga hari ini, dan segala himmah saya, saya tumpahkan pada berkhidmat pada agama Islam ini. Sekalipun begitu datang kepada saya lintasan-lintasan hati dan bayangan-bayangan waham yang memberi was-was

dalam hati saya, barangkali agama saya yang dahulu itu ialah yang benar dan saya telah salah pilih agama Islam sebab itu, sebab mengikut bapa angkat saya dan saya mengucap istiazah (meminta perlindungan daripada Allah daripada yang sedemikian itu) dengan segera dari lintasan-lintasan hati yang jahat itu, kemudian datang kepada saya was-was sekali-sekala, maka saya tolak dengan keras dan membaca: "Aku berlindung dengan Allah dari Syaitan yang direjam," beginilah tiada putus-putus was-was itu datang menyerang hati saya, sehingga saya naik ke Mekah dan membuat segala pekerjaan Haji dan 'Umrah, dan hadir di tempat-tempat ziarah, dan pergi ke tempat-tempat orang pergi dan saya ziarah Hadhratul Mustafa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maka lepas itu lenyaplah segala lintasan-lintasan hati yang jahat itu sama sekali, Alhamdulillah, maka adakah tuan fikir orang yang baharu semalam beriman itu boleh berjihad sebagai jihad saya dan boleh dia mengucap istiazah bagaimana saya telah mengucap istiazah? Sehingga saya dikurniakan Allah akan ketenangan hati tiada dikacau was-was lagi." Cerita ini menjadi iktibar bagi siapa yang mengambil iktibar teladan daripadanya daripada bapa-bapa perempuan dan bakal-bakal pengantin.

Mufti yang di atas ini adalah seorang yang bijak dalam ilmu pengetahuan dan wara' dan takutkan Allah dan anak mufti itu juga seorang alim besar berumur tua telah menjadi mufti di negeri itu dari bapanya. Dan anak mufti itu hidup sehingga masa-masa hampir sekarang (tuan guru menulis cerita ini kira-kira 35 tahun dahulu).

WALLAHUAKLAM.
(Bersambung)

TULISAN AL-QURAN JANGAN DICEMAR

BANDAR SERI BEGAWAN.
— Pengetua Pusat Sejarah, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri mengatakan bahawa tulisan-tulisan yang mengandungi ayat-ayat Al-Quran janganlah dicampuraduk dengan lukisan gambar-gambar pemandangan atau apa jua benda-benda yang bernyawa supaya keindahan oleh Allah itu tidak tercemar dan ini jelasnya ada disebutkan dalam hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang bererti, Allah Taala itu cantik dan suka kepada kecantikan.

Bagaimanapun perlu juga diingat, tambah Yang

kursus tersebut. Kursus yang julung-julung kali dianjurkan oleh Persatuan IQRA itu merupakan sebahagian daripada acara perayaan menyambut Ulangtahn Pertama Hari Kebangsaan sempena Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam.

Majlis pada hari itu dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dan ini diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Dipertua Persatuan IQRA, Awang Haji Mashud bin Awang Haji Damit. Di akhir majlis Yang Dimulikan Pehin telah menyampaikan siji-sijil kepada para peserta kursus Amali Al-Quran dan Kaligrafi serta cenderamata kepada dua orang penceramah jemputan.



YDM Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama (Dr.) Awang Haji Mohd. Jamil Al-Sufri menyampaikan siji kepada Awang Haji Saleh bin Haji Ibrahim, salah seorang peserta yang mengikuti kursus Kaligrafi — Gambar Pusat Sejarah.

ANGGOTA TENTERA HARUS TANAMKAN KEKUATAN DIRI

BOLKIAH KEM. — Anggota tentera yang dianggap sebagai pelindung harus berupaya menanamkan kekuatan-kekuatan dalam diri, untuk menentukan kekuatan iman demi ketinggian imej pasukan khususnya dan nama baik negara pada keseluruhannya.

Mereka hendaklah memegang penuh bangga akan prestasi seorang tentera yang bermoral, berdisiplin, taat, rajin, kuat, gigih, tahan lasak dan cekap dalam bidang masing-masing.

Awang Abdul Razak Haji Mohammad, Setiausaha Tetap di Kementerian Pelajaran dan Kesihatan berkata, ini sesuai dengan nilai-nilai penghormatan yang diberikan oleh masyarakat terhadap anggota tentera yang dianggap sebagai pelindung pada aspek-aspek tertentu, yang juga boleh dianggap sebagai contoh, yang dipercayai atau atau sebagai utap atau scumpamanya.

"Kerana itulah keupayaan pada menjaga imej yang tinggi yang diberikan oleh masyarakat itu adalah perlu disedari dan memerlukan ketabahan dan kecekalan dengan iman yang kuat, iman yang kebal dan tidak mudah lut oleh sebarang elemen yang merosakkan keimanan dan imej pertubuhan," tegas Awang Abdul Razak.

Berucap demikian di Upacara Perbarisan Tamat Latihan bagi seramai 45 orang rekrut lelaki Pengambilan ke-64 Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di Pusat Latihan di sini pagi Jumaat lepas, Awang Abdul Razak seterusnya mengingatkan supaya nilai-nilai penghormatan yang diberikan oleh masyarakat itu diletakkan di atas segala tugas, atau berasingan dengan tugas-tugas utama yang diamanahkan kepada mereka.

Beliau menekankan, anggota-anggota angkatan bersenjata yang berperanan penting terhadap keamanan dan ketenteraman negara dan masyarakat, memikul tang-

Oleh: Aisah Piee

gungjawab yang besar, tidak setakat memikul senjata tetapi juga bertanggungjawab pada mengekalkan dan meninggikan lagi nilai-nilai kesejahteraan masyarakat yang dipertanggungjawabkan ke atasnya.

Awang Abdul Razak selaku Pegawai Menerima Tabik Kehormatan di upacara itu terdahulu dari itu telah memeriksa perbarisan rekrut-rekrut yang menamatkan latihan dan kemudiannya menyampaikan hadiah

kepada rekrut-rekrut terbaik.

Rekrut terbaik disandang oleh 7983 Rek Linggan bin Kawin, Penembak M16 Terbaik ialah 7972 Rek Awang Juney bin Awang Damit, Penembak HBAR Terbaik, 8002 Rek Salleh bin Bujang, sementra Latihan Jasmani Terbaik ialah 7990 Rek Jaafar bin Merali. Manakala Jurulatih Terbaik ialah 6048 Kpl Zulhizam bin Abdullah.

Perbarisan pagi tersebut diperintah oleh Kapten Mohd Aisa bin Subohi dan diiringi oleh Pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei di Berakas Garison dan Batalion Kedua.

Sgt. Yahya dan Kpl. Rining juara silat dan kuntau

PERKHEMAHAN BERA-KAS. — Sgt. Yahya bin Kassim dan Kopal Rining bin Kading telah muncul sebagai juara dalam Pertandingan Silat dan Kuntau Terbuka '85 bagi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang berlangsung di Dewan Gerak Badan Berakas Garison Rabu lalu.

Sgt. Yahya mewakili Pusat Latihan memenangi bahagian Silat menewaskan Kopal Ahmad dari Tentera Laut, manakala Kopal Rining yang mewakili Batalion Pertama menjuarai bahagian Kuntau setelah menewaskan Kopal Hj. Tindas daripada Batalion Kedua.

Pengerusi pertandingan memberitahu bahawa pertandingan tersebut dianjurkan bertujuan untuk mencungkil bakat-bakat baru dalam bidang seni Silat dan Kuntau di samping untuk memilih wakil-wakil Pasukan Angkatan Bersenjata untuk

pertandingan peringkat daerah-daerah.

Seramai 7 orang peserta bahagian Kuntau dan 2 orang peserta bahagian Silat dari semua unit Angkatan Bersenjata Diraja Brunei menyertai pertandingan itu.

Dalam bahagian Kuntau umur 16 ke atas pula telah disandang oleh Awang Kamran bin Bungsu setelah menewaskan Awang Kamran bin Majid. Sementara bahagian kanak-kanak umur 12 ke bawah telah dimenangi oleh Awang Ali Nordi bin Mohd. Sipun, kedua Awang Suratzin bin Yuju, ketiga ialah Awang Edy Nor bin Hashim.

Bekas-bekas juara Kuntau dan Silat peringkat negeri juga telah mempersembahkan kebolehan mereka dan hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Pegawai Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Brigedier Jeneral Dato Paduka Seri JPW Friedberger.

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Awang Abdul Razak bin Haji Mohammad sedang menyampaikan hadiah kepada Rek. Linggan bin Kawin (atas) sementara gambar bawah kelihatan Awang Abd. Razak memeriksa perbarisan rekrut yang menamatkan latihan pada hari itu. — Gambar oleh Ak. Abu Bakar.



Ahli BENARA lawat Pusat Kesenian

BANDAR SERI BEGAWAN. — Seramai 40 orang ahli-ahli Badan Kebajikan dan Sukan Jabatan Kerja Raya (BENARA) cawangan Belait telah mengadakan lawatan ke Pusat Kesenian dan Per-

tukangan Tangan di ibu negara pada Khamis lepas.

Ketibaan rombongan tersebut telah dialu-alukan oleh Penyelia dan Pensyarah Awang Haji Md Yassin bin Haji Metassim di mana sebelum mereka dibawa melawat ke bahagian-bahagian, mereka telah diberikan taklimat berkenaan dengan sejarah awal penubuhan pusat, kursus-kursus yang dijalankan serta struktur pentadbiran pusat tersebut bertempat di Bilik Taklimat di sini.

Menurut Dayang Rogayah binti Ramli selaku ketua rombongan menyatakan, tujuan lawatan mereka ke pusat ini di samping rancangan tahunan mereka ianya juga adalah bertujuan untuk menambahkan lagi pengetahuan, serta ingin mengetahui dan meninjau lebih dekat lagi kegiatan-kegiatan yang dijalankan di pusat ini.

Sebelum mengakhiri lawatan mereka, mereka telah dibawa melawat ke bilik pertukangan perak, tembaga, tenunan dan anyaman di mana mereka sekali lagi berkesempatan mendengarkan penerangan serta bersoal jawab dengan guru-guru di tiap-tiap bahagian.

ANGKA TUNJUK BULAN JANUARI LEBIH TINGGI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Angka Tunjuk Harga Barang-Barang Penggunaan bagi bulan Januari 1985 ialah 145.9 mata dan ini adalah 0.5% lebih tinggi dari angka tunjuk bagi bulan Disember, 1984. Jika dibandingkan dengan angka tunjuk bagi bulan Januari, 1984, angka tunjuk bagi bulan ini adalah 4.1% lebih tinggi.

Kenaikan angka tunjuk bulan ini adalah disebabkan oleh kenaikan angka-angka tunjuk kumpulan-kumpulan 'Permainan, Hiburan, Pelajaran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan Kebudayaan' dan 'Barang-Barang dan Perkhidmatan-Perkhidmatan Rampaian' walaupun angka tunjuk kumpulan 'Makanan' telah turun. Angka-angka tunjuk kumpulan-kumpulan lain adalah masih tetap tidak berubah.

Perkara-perkara yang menyebabkan kenaikan angka tunjuk kumpulan 'Permainan, Hiburan, Pelajaran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan Kebudayaan' ialah surat khabar (Straits Times) dan bayaran-bayaran sekolah tabika, rendah dan menengah. Perkara yang menyebabkan kenaikan angka tunjuk kumpulan 'Barang-Barang Perkhidmatan-Perkhidmatan Rampaian' ialah mencuci dan mendandan rambut bagi wanita. Sementara itu barang-barang makanan yang menyebabkan penurunan angka tunjuk kumpulan 'Makanan' ialah beberapa jenis ikan hidup (temenong besar, bekalang, bilis) udang besar dan udang kecil, telur ayam, buah betik, beberapa jenis sayur-sayuran (sawi putih, bayam dan bunga kobis) dan sejenis rempah (kayu manis).



PEGAWAI Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Brigedier Jeneral Dato J.P.W. Friedberger menyampaikan hadiah kepada juara bahagian silat, Sgt. Yahya bin Kassim (atas) dan gambar kanan kelihatan peserta kuntau kanak-kanak berumur 12 tahun ke bawah sedang beraksi dalam perlawanan pada malam itu.



1. Apakah dia kencing manis?

Ianya merupakan keadaan tenat di mana terjadi kekurangan insulin dalam badan atau apabila badan tidak dapat menggunakan insulin yang ada. Insulin ialah hormon berpunca dari pankreas dan ianya membawa sejenis gula yang dipanggil glukos ke sel-sel badan supaya gula itu memberikan kita tenaga.

Apabila orang kena penyakit kencing manis, mata, buah pinggang dan urat-urat mungkin rosak dan pembuluh-pembuluh darahnya mungkin menjadi tebal atau tersekat sekalipun.

2. Kenapa orang kena penyakit kencing manis?

Jika saudara-mara awda yang ada pertalian darah kena penyakit ini, maka kemungkinannya awda kena penyakit ini lebih daripada orang lain di kalangan keseluruhan masyarakat umum. Tetapi adalah tidak pasti sama ada awda akan kena penyakit ini. Lazimnya penyakit ini adalah kerana pankreas tidak bertugas dengan betul.

3. Bagaimanakah saya dapat mengelakkannya?

Awda dapat membuat perkara tertentu supaya dapat mengurangkan kemungkinannya awda kena penyakit kencing manis. Pastikanlah bahawa berat awda tidak lebih berbanding kepada tinggi dan umur awda. Jika awda tidak pasti doktor awda akan dapat menasihatkan awda.

PENYAKIT KENCING MANIS

OLEH:
DATO DR. A.S. SINNATAMBY
Specialist Physician and
Head Medical Unit,
Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha



Jika berat awda berlebihan, maka kurangkanlah memakan gula-gula, kuih, gula, nasi dan roti paun dan buatlah riadah secukupnya setiap hari. Ada faedahnya berjalan ke tempat-tempat yang dekat daripada memakai kereta dan menggunakan tenaga daripada menggunakan lif.

4. Apakah tandanya penyakit kencing manis?

- Jika penyakit ini ringan sahaja: Mungkin tiada ada tandanya. Kadangkala ibu yang melahirkan bayi yang besar didapati kena sedikit penyakit kencing manis setelah darah mereka diuji walaupun mereka merasa sihat.
- Jika penyakit ini lebih berat: Pengidapnya terlampau gemuk dan buang air kecil lebih daripada orang lain. Mereka mungkin berulangkali mengalami sakit saluran kelenjar.
- Di kalangan pengidap yang paling tenat:

Pengidap seumpama ini buang air kecil lebih banyak lagi daripada biasa. Berat mereka menurun dan mereka merasa haus dan letih sepanjang masa. Kemudian mereka menarik nafas panjang dan nafas mereka pun berbau suatu bahan kimia yang dipanggil aseton. Keadaan ini sangat berbahaya dan ubaya-ubaya janganlah ditunggu sampai menjadi demikian barulah berjumpa doktor.

5. Macam manakah saya akan tahu dengan pasti jika saya kena penyakit kencing manis?

Jika berat awda menurun dan awda banyak buang air kecil atau berat awda berlebihan dan syak bahawa awda mungkin kena penyakit ini maka patutlah awda berjumpa doktor yang akan menyukat kandungan gula dalam darah awda kalau-kalau kadarnya lebih daripada biasa. Jikalau demikian, maka dia akan menentukan rawatan yang perlu. Cara mengesan

penyakit ini adalah sentiasa melalui ujian darah. Lepas itu apabila doktor mendapati bahawa rawatannya berhasil, maka memadamkan dilakukan ujian air kencing untuk mengetahui kandungan gula di dalamnya.

6. Apakah rawatannya?

Ini tertakluk kepada keadaan penyakit itu. Jika ianya ringan sahaja maka memadamkan dihidkan saja makanan awda dan dikurangkan berat badan. Jika usaha ini tidak berhasil mengawal kandungan gula dalam darah maka doktor awda mungkin akan memberi tablet. Jika keadaannya sangat teruk maka terpaksa akan diberikan suntikan sebanyak 2 - 3 kali sehari pada mulanya. Kemudian barulah dikurangkan kepada sekali sehari sahaja apabila keadaannya membaik.

7. Bolehkah rawatannya dihentikan kemudian?

Rawatannya hanya mengawal penyakit ini sahaja sewaktu awda menjalaninya. Ianya tidaklah menyembuhkan secara kekal. Maka oleh hal yang demikian, rawatannya tidaklah dapat dihentikan. Di kalangan beberapa pengidap yang berubat secara makan tablet mungkin tidak lagi diperlukan mereka makan tablet apabila berat mereka kurang. Pada umumnya bahawa pengidap yang bergantung kepada rawatan insulin terpaksa berterusan menjalani rawatan.

8. Apakah langkah berjaga-jaga yang patut saya lakukan jika saya kena penyakit kencing manis?

- Awda mestilah mematuhi peraturan-peraturan doktor berhubung dengan makanan, riadah, tablet atau suntikan. Dimestikan janganlah awda menghentikan atau mengubahnya tanpa dinasihatkan doktor.
- Di kalangan pengidap kencing manis, luka-luka lebih lama untuk disembuhkan dan mudah dijangkiti kuman. Awda mestilah berhati-hati menjaga keselamatan kaki awda dengan cara memakai kasut dan stokin yang sesuai. Takdirnya awda cedera, maka hendaklah awda berjumpa doktor terlebih awal kecuali kecederaan itu merupakan cuma garit sedikit sahaja.



SEBAHAGIAN daripada pengunjung-pengunjung menyaksikan pameran-pameran tersebut baru-baru ini.

Pameran gambar

TEMBURONG. — Jabatan Penerangan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan akan mengadakan pameran gambar-gambar sepanjang Pemasayuran Kemerdekaan, Hari Kebangsaan dan gambar-gambar semasa ketibaan ketua-ketua negara asing yang datang ke Negara Brunei Darussalam bertempat di Dewan Jabatan Penerangan di sini.

Pameran tersebut akan berlangsung selama tiga hari bermula pada hari Jumaat 15

Mac hingga 17 Mac akan datang.

Orang ramai adalah dipelawa untuk menyaksikan pameran-pameran tersebut mulai dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi dan jam 2.00 petang hingga 6.00 petang.

Terdahulu sebelum ini jabatan tersebut juga telah mengadakan pameran yang sama di Bandar Seri Begawan, Daerah Tutong dan juga Daerah Belait.

Wakil Pos ditiadakan

DENGAN ini dimaklumkan untuk pengetahuan ramai bahawa Wakil Pos yang beralamatkan New City Store, 203 Seri Kompleks Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan telah pun ditiadakan mulai dari 1 Mac 1985.

Perkhidmatan-perkhidmatan pos bagi kawasan tersebut bolehlah diperolehi dari Pejabat Pos Seri Kompleks yang mana telah pun dibuka bagi orang ramai pada 25 Februari, 1985.

Pemuda-pemuda dipelawa berkhidmat sebagai Mata-Mata

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasukan Polis Diraja Brunei kini mempelawa pemuda-pemuda yang terdiri dari rakyat kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk berkhidmat sebagai mata-mata (konstable).

Pemohon mestilah berumur di antara 18 tahun dan tidak lebih dari 28 tahun, bujang atau pun kahwin serta mempunyai badan yang sihat dan tinggi tidak kurang dari 5 kaki 2 inci.

Mereka mestilah mempunyai kelulusan akademik sekurang-kurangnya Darjah VI Sekolah Melayu atau Inggeris. Pemohon-pemohon yang mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan.

Pemohon-pemohon yang berjaya nanti akan menjalani latihan di Pusat Latihan Polis Diraja Negara Brunei Darussalam di Gadong selama enam bulan dan akan menerima gaji dan elaun sebanyak \$766.00 sebulan.

Selain dari itu, selepas sahaja tamat tempoh perkhid-

matan selama 3 tahun, mereka yang menyambung perkhidmatan seterusnya dengan Pasukan ini akan dihidiahkan dengan bonus dua bulan gaji.

Pemuda-pemuda yang memenuhi syarat-syarat di atas adalah dipelawa untuk menceburi lapangan kerjaya

MEMBEKAL, MEMASANG DAN MENJALANKAN SATU UNIT 5 TAN KREN PENGOREK CEKUP seperti spesifikasi dari pihak pengeluar. Kren ini berenagakan sebuah enjin diesel General Motors 71 series atau yang sebanding yang tidak kurang dari 125 Brake Horse Power dan akan dipasang pada gelang 'slew' pihak pengeluar dengan ubahsuai yang bersesuaian untuk dipasang di atas alas kedua kren yang sedia ada di kapal pengorek 'Belangkas'. Kren ini akan dilengkapi dengan peralatan tambahan yang berikut:—

1.1 Sebuah cekup lumpur yang mempunyai dua talian 71/57 kaki isipadu lengkap dengan tali-temali dan sambungannya.

1.2 Sebuah cekup korek berat 41/33 kaki isipadu bergolongan (reeved) 6 : 1, lengkap dengan gigi, tali-temali dan sambungannya.

1.3 Sebuah cekup batu yang mempunyai dua talian 30 kaki isipadu bergolongan (reeved) 5 : 1 lengkap dengan tali-temali dan sambungannya.

1.4 Alat-alat ganti yang disokong oleh pihak pengeluar bagi dua tahun operasi bagi (a) Kren, (b) Enjin kren dan (c) Ketiga-tiga cekup yang dirujuk di atas.

2. Harga tawaran hendaklah termasuk harga mereka bentuk, pengeluaran dan pembekalan bagi sebarang tapak gelang antara atau ubahsuai yang dikhendaki untuk menyesuaikan gelang 'slew' dengan bahagian atas bebiri alas kedua kren yang ada di kapal pengorek 'Belangkas'.

3. Harga tawaran termasuklah harga-harga berikut:—

3.1 Kebenaran mereka bentuk, pengeluaran, pengujian, pengukuran dan pemeriksaan oleh Lloyd's Register of Shipping seperti "Code of Lifting Appliances in a Marine Environment" berikutan dengan pengirimannya dari pihak pengeluar.

3.2 Pengawasan penempatan, pemasangan, pembinaan dan menjalankan kren di kapal S.H.D. 'Belangkas' oleh Jurutera Pemasang dari pihak pengeluar.

3.3 Harga tawaran hendaklah disetorkan bagi penyerahan, harga, insurans dan tambang termasuk (C.I.F.) di Pelabuhan Muara, Negara Brunei Darussalam.

4. Syarat-syarat pembayaran ialah 75% dari jumlah harga pembelian kren dan peralatan apabila tiba dan 25% dari jumlah harga penyelesaian pemasangan dan pembayaran peralatan di kapal S.H.D. 'Belangkas'. Cadangan tarikh penyerahan mestilah ditetapkan di dalam tawaran.

5. Tarikh awal pembekalan, tempoh memasang dan menjalankan mestilah dinyatakan.

6. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan di dalam sampul-sampul surat yang bertutup tanpa memberikan keterangan mengenai nama si pemborong. Sampul-sampul surat hendaklah ditanda "Tawaran bagi Pembekalan Satu Unit 5 Tan Kren Cekup Jabatan Laut".

7. Tawaran-tawaran hendaklah dialsamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

8. Sebarang penerangan-penerangan lanjut dan rajah-rajah alas kuda S.H.D. 'Belangkas' yang ada bolehlah diperolehi dari Pejabat Pengarah Laut, Kementerian Perhubungan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

9. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

TAWARAN PENGELUARAN PERMIT TEKSI DAERAH BELAIT

ADALAH dengan ini dimaklumkan bahawa Penguasa Melesen Pengangkutan Bermotor akan mengeluarkan lima (5) permit tekis Daerah Belait.

2. Pemohon-pemohon perseorangan di Daerah Belait sahaja yang berhak memohon bagi pertimbangan Penguasa Melesen Pengangkutan Bermotor. Pemohon-pemohon hendaklah terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam dan mereka hendaklah tidak memegang sebarang jawatan dalam Perkhidmatan Kerajaan Negara Brunei Darussalam, Syarikat-Syarikat atau Firma. Firma sama ada bergaji bulat atau bergaji hari. Selain daripada kehendaki hendak yang mesti dipatuhi oleh pemohon-pemohon seperti yang dicatatkan dalam borang permohonan bagi permit di atas, berikut adalah penerangan-penerangan tambahan kepada pemohon-pemohon:—

a) Pemohon-pemohon mestilah bersedia untuk ditemuduga;

b) Pemohon-pemohon yang berjaya adalah dikhendaki memandu sendiri tekis mereka, oleh itu pemohon-pemohon mestilah mempunyai lesen

memandu sekurang-kurangnya Kelas III (3) dan diakui sihat oleh Pegawai Kesihatan Kerajaan; dan

c) Pemohon-pemohon hendaklah menyatakan jenis kereta yang akan digunakan sebagai tekis itu yang mana hendaklah mempunyai tenaga tidak kurang dari 1,600 c.c.

3. Mereka-mereka yang telah memohon tetapi tidak berjaya atau permohonan-pemohonan mereka belum dapat dipertimbangkan kerana semasa mereka memohon itu belum ada kekosongan permit yang dimaksudkan, bolehlah memohon semula jika mereka mahu berbuat demikian bagi pertimbangan Penguasa Melesen Pengangkutan Bermotor.

4. Semua permohonan hendaklah menggunakan borang-borang permohonan yang boleh didapati di Ibu Pejabat Pengangkutan Darat, Jalan Gadong dan di Pejabat Pengangkutan Darat, Kuala Belait. Permohonan-permohonan mestilah sampai di Ibu Pejabat Pengangkutan Darat, Jalan Gadong, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari 20 Mac 1985. Permohonan-pemohonan yang lewat diterima tidak akan dilayan.

TAWARAN NO. 4 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Pejabat Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Kewangan, Jabatan Perbendaharaan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.00 tengah hari pada hari Isnin 15 April, 1985 bagi:

PEMBEKALAN DAN PENGIRIMAN TOLOK AIR PASANG SURUT

Peralatan yang dikhendaki hendaklah seperti per-

binaan dan spekulasi berikut:

1.1 PEMBINAAN

Tolok Air Pasang Surut (Tide Gauge) jenis Fuchs LFT III. Tolok adalah terapung dengan memberikan bacaan grafik yang terus-menerus bagi tempoh sebulan. Kertas pencatat panjang kira-kira 17 meter dan penggerak kertas (paper drive) jenis 6V DC motor menggunakan bateri-bateri 'dry cell', dan kadar bekalan kertas yang digunakan 20mm/sejam. Tutup pencatat hendaklah dibuat dari aluminium tuangan (casting) yang anti karat serta mempunyai jendela pemerhati.

1.2 SPEKULASI

Jarak Catatan (Recording Range)	3.5 m & 7 m
Pembesaran (Magnification)	1/10 1/20
Kepantasan Carta (Chart Speed)	20 mm sejam
Kertas	375 mm x 17 meter
Jam	6 Volt DC
Bateri 'Dry Cell'	4 x UM-1
Alat Terapung (Float)	300 mm x 180 mm
Pita Besi Waja (Steel Tape)	10 meter
Dimensi Tolok (Gauge)	470 x 570 x 305 mm
Ketepatan	3/1000

2. Harga yang ditawarkan termasuklah:—

Membekalkan pena-pena dan carta-carta untuk 24 bulan. Pengiriman, harga, insurans dan tambang pengangkutan kapal terbang di Lapangan Terbang, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

3. Tarikh dan pembekalan hendaklah dinyatakan.

4. Tawaran-tawaran hendaklah disimpan di dalam sampul-sampul surat yang bertutup tanpa memberikan keterangan mengenai nama si pemborong. Sampul-sampul surat itu hendaklah ditanda "TAWARAN UNTUK TOLOK AIR PASANG SURUT JABATAN LAUT".

5. Tawaran-tawaran hendaklah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga-tawaran, Jabatan Perbendaharaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

6. Penerangan-penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Pengarah Laut, Kementerian Perhubungan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

7. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

TAWARAN NO. 5 TAHUN 1985

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Pejabat Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Kewangan, Pejabat Perbendaharaan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.00 tengah hari pada hari Isnin 15 April, 1985, bagi:

PEMBEKALAN SATU UNIT 1 TAN WEN PEMASANG PANCANG PEMA-

CUAN KEMBAR DAN JEJUNJUNG CERUCUK UNTUK DIPASANG DI BAHAGIAN DEPAN DEK KAPAL PEMANCA, JABATAN LAUT.

2. Peralatan yang dikhendaki hendaklah seperti spesifikasi yang berikut:—

Enjin diesel yang dihidupkan dengan menggunakan kuasa elektrik dan/atau tangan. Mempunyai penyejuk udara.

Jejunjung cerucuk hendaklah 30' — 35' tinggi

1 unit 1 tan penukul jenis besi tuang.

1 unit 1 tan penukul jenis besi tuang.

400 — 0' 1/2" garis pusat tali dawai saduran.

Enjin diesel, kirekan 'drum kembar' 'double drum winch' dan rangka pancang yang akan dipasang di atas datur yang dibuat dan dipaterikan di bahagian dek kapal.

Harga yang ditawarkan termasuklah harga-harga berikut:—

a) Biaya pengiriman, insurans dan tambang pengiriman ke Pelabuhan Muara, Negara Brunei Darussalam.

b) Pengawasan, pemasangan dan penjagaan peralatan pancang di kapal Pemanca.

3. Tarikh pengiriman yang dicadangkan hendaklah ditentukan.

4. Tawaran-tawaran hendaklah disimpan di dalam sampul-sampul surat yang bertutup tanpa memberikan keterangan mengenai nama si pemborong. Sampul-sampul surat hendaklah ditanda "TAWARAN UNTUK MEMBEKALKAN 1 TAN WEN PEMASANG PANCANG PEMA-CUAN KEMBAR DAN JEJUNJUNG CERUCUK."

5. Tawaran-tawaran hendaklah dialsamatkan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran, Jabatan Perkhidmatan-Perkhidmatan Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

6. Penerangan-penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Pejabat Pengarah Laut, Kementerian Perhubungan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

7. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

Tawaran Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara

BIL. 15/85

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 25 Mac, 1985 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara

PEMBEKALAN FORK-LIFT TRUCK

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 31, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

KENYATAAN TAWARAN JABATAN PERHUTANAN

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran Negara Brunei Darussalam di Pejabat Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat pada hari Isnin 1 April, 1985 jam 12.00 tengah hari bagi membekalkan mesin tukang kayu yang berikut:—

1. 1 Buah Portable Circular Saw Mesin berukuran 36" dengan menggunakan 40 HP. Motor, lengkap dengan alat sampingan (accessories) jika ada.

2. Keterangan lanjut mengenai dengan penentuan-penentuan (Specifications) bagi mesin ini bolehlah didapati dari Ibu Pejabat Perhutanan, Negara Brunei Darussalam bila-bila masa pejabat dibuka.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan "TAWARAN MEMBEKAL DAN MEMASANG MESIN PORTABLE CIRCULAR SAW UNTUK JABATAN PERHUTANAN"

tanpa menunjukkan identiti pemborong dan ditujukan Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan.

4. Pemborong-pemborong yang menghantar tawaran mereka adalah dikhendaki menghantar katalog (gambar) jenis mesin dan alat-alat sampingan (accessories) yang ditawarkan beserta dengan butir-butir berikut:—

i) Harga sebuah termasuk cukai

ii) Harga memasang

iii) Jenis alat-alat sampingan yang terdapat

iv) Lama tempoh dalam jaminan

v) Tempoh membekal

vi) Lain-lain hal jika ada.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang paling rendah atau tawaran lain-lain tawaran.

KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN SAMPUL SURAT KE JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN, KEMENTERIAN UNDANG-UNDANG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TAHUN 1985

I. Tawaran-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 25 Mac, 1985 bagi membekalkan perkara-perkara di atas ke Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam bagi pembekalan 1985. Banyak serta penentuan-penentuan tentang Jenis/Ukuran/Bahan dan Gaya adalah seperti berikut :

Perkara	Keterangan-Keterangan Jenis/Ukuran/Bahan/Gaya	Banyak
1.	Manilla Envelopes DL 110 x 220 mm/75-80 gsm. Wallet cut dengan side seam serta garisan bercetak "URUSAN KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA" di atas kepala sampul surat dan garisan hendaklah berupa kotak.	1,000,000 Keping.
2.	Manilla Envelopes C5 162 x 229 mm/100 gsm. Wallet cut atau Open End dengan side seam dan bercetak seperti perkara (1).	400,000 Keping.
3.	Manilla Envelopes 254 x 305 mm/120 gsm. Open End dengan side seam dan bercetak seperti perkara (1).	200,000 Keping.
4.	Manilla Envelopes 305 x 406 mm/120 gsm. Open End dengan side seam dan bercetak seperti perkara (1).	150,000 Keping.
5.	Manilla Envelopes 381 x 457 mm/120 gsm. Open End dengan side seam dan bercetak seperti perkara (1).	75,000 Keping.
6.	Giant Manilla (Basket Weave) Envelopes DL 110 x 220 mm/150 gsm. Wallet cut atau Open End dengan side seam dan bercetak seperti perkara (1).	100,000 Keping.
7.	Giant Manilla (Basket Weave) Envelopes C5 162 x 229 mm/150 gsm. Open End dengan side seam dan bercetak seperti perkara (1).	75,000 Keping.
8.	Giant Manilla (Basket Weave) Envelopes 254 x 305 mm/150 gsm. Open End dengan side seam dan bercetak seperti perkara (1).	40,000 Keping.
9.	Giant Manilla (Basket Weave) Envelopes 305 x 406 mm/150 gsm. Open End dengan side seam dan bercetak seperti perkara (1).	75,000 Keping.
10.	Giant Manilla (Basket Weave) Envelopes 381 x 457 mm/150 gsm. Open End dengan side seam dan bercetak seperti perkara (1).	30,000 Keping.
11.	Manilla Envelopes 165 x 102 mm/75-80 gsm. Open End dengan side seam dan quick seal atau seal-Easi Adhesive dan tidak bercetak.	400,000 Keping.
12.	Manilla Window Envelopes DL 110 x 220 mm/100 gsm. Wallet cut dengan side seam dan bercetak seperti perkara (1).	500,000 Keping.
13.	Croxley atau Conqueror White Wove Airmail Envelopes DL 110 x 220 mm/100 gsm. Wallet cut dengan side seam dan bercetak seperti perkara (1).	200,000 Keping.
14.	Cream Wove Envelopes DL 110 x 220 mm/80 gsm. Wallet cut dengan side seam dan bercetak seperti perkara (1).	30,000 Keping.
15.	Conqueror High White Laid Envelopes DL 110 x 220 mm/100 gsm. Wallet cut dengan side seam dan bercetak seperti perkara (1).	50,000 Keping.
16.	Conqueror High White Laid Envelopes 120 x 234 mm/100 gsm. Wallet cut dengan side seam dan bercetak seperti perkara (1).	50,000 Keping.
17.	Pocket File/Giant Manilla (Basket Weave) Envelopes 150 gsm. 235 x 305 x 25 mm dan tidak bercetak.	100,000 Keping.

PENENTUAN-PENENTUAN KHAS

- Semua Sampul Surat mestilah mempunyai 50 mm penutup untuk mencetak panji-panji Kerajaan/nama dan alamat di atasnya.
- Pilihan kedua kertas Manilla ialah Kertas Glazed Kraft/Kertas Tan Kraft, bagaimanapun jenis-jenis yang ditetapkan hendaklah diutamakan.
- TYPEFACE yang digunakan untuk mencetak garisan kotak di lingkungan "URUSAN KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA" hendaklah GOUDY OLD STYLE dan ukuran type mengikut ukuran sampul-surat seperti berikut :

C6-114 x 162 mm	— 12 point Type.
L-110 x 220 mm dan C5-229 x 162 mm	— 14 point Type.
254 x 305 mm	— 24 point Type.
305 x 406 mm dan 381 x 457 mm	— 48 point Type.

PERINGATAN

Tebal garisan kotak hendaklah menggunakan 2 point tebal garisan (Line thickness).

II. Tawaran yang diterima selepas dari tarikh ditutup tidak akan dilayan.

III. Semua tawaran-tawaran hendaklah disertakan dengan contoh sama ada contoh sampul surat yang siap ataupun contoh kertas yang digunakan ini termasuklah penerangan-penerangan tentang bahan-bahan dan gaya-gaya yang digunakan. Harga tawaran mestilah harga termasuk menghantar hingga ke Stor Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, di Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Tawaran yang tidak disertakan dengan contoh-contoh serta penerangan-penerangan lengkap tidak akan dilayan.

IV. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup dengan tidak ada tanda-tanda pengirim.

V. Tawaran hendaklah diamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran dengan menanda di sampul surat itu :-

PEMBEKALAN SAMPUL SURAT 1985
KE JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN,
KEMENTERIAN UNDANG-UNDANG,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

VI. Borang tawaran dan penentuan boleh diperolehi dari Jabatan Percetakan Kerajaan, Kementerian Undang-Undang, Negara Brunei Darussalam semasa Pejabat dibuka.

VII. Cagaran tawaran sebanyak \$2,000.00 atas nama Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hendaklah dibayar di Pejabat Perbendaharaan, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam dan salinan resitnya HENDAKLAH disertakan dengan tawaran yang dihadapkan. Cagaran ini akan dikembalikan kepada penawar-penawar yang tidak berjaya. Cagaran ini akan juga dikembalikan kepada Syarikat-

Syarikat yang berjaya setelah ia habis membekalkan kertas-kertas yang ditawarkan kepadanya.

VIII. Syarikat-Syarikat yang berjaya akan mengikat kontrak dengan Kerajaan supaya membekalkan Sampul Surat sepanjang tahun dengan mengikut harga-harga tawaran.

IX. Syarikat-Syarikat yang berjaya adalah jua dikehendaki mengikat kontrak dan bersetuju membekalkan Sampul Surat dalam tempoh yang ditetapkan seperti berikut :-

- 50% hendaklah dihantar dalam masa 30 hari dari tarikh tawaran dimaklumkan.
- 50% dihantar dalam masa 60 hari selepas penghantaran pertama.

X. Kerajaan berhak menolak tawaran atau mengenakan denda sebanyak \$20.00 sehari bagi pembekal yang lambat menghantar atau membatalkan kontrak dengan pembekal pada bila-bila masa tanpa notis jika tidak mengikut peraturan-peraturan yang tersebut di atas.

XI. Syarikat yang berjaya dikehendaki menandatangani satu kontrak dengan Pengarah Percetakan dan bersetuju mengikut syarat-syarat kontrak itu dan peraturan-peraturan Kerajaan yang berjalan pada masa ini.

XII. Kerajaan tidak terikat untuk memilih tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

PEMBERITAHUAN TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

Syarat-syarat Tawaran

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, di Lembaga Tawaran, Bangunan Kementerian Kewangan Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 8 April, 1985.

2. Penawar-penawar hendaklah menghadapkan tawaran-tawaran mereka dalam sampul surat biasa atau yang dikehendaki dan hendaklah ditutup. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditunjukkan tajuk tawaran seperti mana yang diiklankan dan tarikh tutup tawaran itu.

3. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkliah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730-1230 dan 1400-1630 tiap-tiap hari Isnin hingga Khamis, 0730-1130 tiap-tiap hari Jumaat).

4. Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah dihantar ke Pejabat Procurement, Bolkliah Kem. ABDB tidak lewat 3 hari selepas tarikh tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

5. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau manamana tawaran.

BIL : PROC/T/71/85

MEMBEKAL :
LAMINATOR MACHINE.
Cagaran : \$100.00.

BIL : PROC/T/72/85

MEMBEKAL :
LATHE.

Cagaran : \$200.00.

BIL : PROC/T/73/85

MEMBEKAL :
AIRCON TEST EQUIPMENT.

Cagaran : \$100.00.

BIL : PROC/T/74/85

MEMBEKAL :
HELMET SPARES.

Cagaran : \$200.00.

BIL : PROC/T/75/85

MEMBEKAL :
SLIDING DOOR LOCK.

Cagaran : \$100.00.

BIL : PROC/T/76/85

MEMBEKAL :
FLEXIBLE TRS

Cagaran : \$300.00.

CABLE.

Cagaran : \$200.00.

BIL : P/RC/33

MEMBEKAL :
LAB MAINTENANCE.

Cagaran : \$300.00.

BIL : P/RC/62

MEMBEKAL :
INSURANCE AIRCRAFT.

Cagaran : \$300.00.

BIL : P/RC/63

MEMBEKAL :
TERM CONTRACT (2 YEARS) FOR CARRYING OUT PLANNED PREVENTIVE MAINTENANCE, ROUTINE REPAIRS, SAFETY INSPECTION AND EMERGENCY REPAIRS ON CATERING EQUIPMENT.

Cagaran : \$300.00.

Pemberitahuan Tawaran

Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja Brunei Negara Brunei Darussalam

TAWARAN-tawaran hendaklah diamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di Tingkat 4, Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, pada hari Isnin 25 Mac, 1985 bagi membekalkan pakaian seragam kakitangan lelaki Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei seperti mana keterangan-keterangan lanjut berikut :-

a) 150 pasang 'bush jeket' dan seluar bagi 50 orang Pegawai-Pegawai Kanan (3 pasang bagi setiap Pegawai);

b) 951 pasang baju panjang tangan dan seluar bagi 317 orang Pegawai-Pegawai biasa (3 pasang bagi setiap Pegawai);

Adalah dimaklumkan kain-kain yang diperlukan bagi pakaian seragam tersebut ialah :-

a) Kain untuk seluar
Warna : Biru (Navy blue)
Jenis kain : Dyed 100% Polyester Hifisy Suiting

b) Kain untuk baju
Warna : Light cream
Jenis kain : Dacron/Cotton Suiting.

2. Tawaran-tawaran ini ialah termasuk membekalkan kain dan upah menjahitnya sekali.

3. Penerangan-penerangan lanjut mengenai dengan tawaran ini boleh diperolehi daripada Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Brunei.

4. Tawaran-tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang ditetapkan di atas tidak akan dilayan.

5. Semua tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup dan sampul surat tersebut hendaklah ditulis dengan :-

"SULIT — TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM KAKITANGAN JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA BRUNEI"

tanpa membubuh sebarang nama pengirim.

6. Kerajaan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

CIVIL AVIATION DEPARTMENT MINISTRY OF COMMUNICATIONS NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TENDERS are invited for the following :-

a) Provision, installation, commissioning and attendance at flight trials of a solid state Very High Frequency Direction Finder System.

b) Provision, installation and commissioning of a High Frequency Single Side Band Communication System.

c) Provision of multichannel Recorded.

2. Tenders will be received by the Chairman Tenders Board at the 4th. Floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, up to 12.00 noon on 1st. April, 1985.

Tenders received after the said time will be rejected.

3. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked :-

TENDER FOR THE PROVISION, INSTALLATION, COMMISSIONING AND ATTENDANCE AT FLIGHT TRIALS OF A SOLID STATE VERY HIGH FREQUENCY DIRECTION FINDER SYSTEM ETC.

Bearing no indication of the name of the tenderer.

4 Detailed Tender documents can be obtained from the Department of Civil Aviation, Ministry of Communications, Negara Brunei Darussalam upon a deposit of B\$1,000.00.

5. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

TENAGA BERKEMAHIRAN MASIH DIPERLUKAN

BANDAR SERI BEGAWAN.

— Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz menegaskan bahawa Brunei Darussalam di masa kini memerlukan lebih banyak tenaga yang berkemahiran terutama sekali dalam profesyen perubatan.

Oleh kerana itu, tugas Yang Dimuliakan Pehin, adalah menjadi polisi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan untuk menghantar lebih banyak anak-anak tempatan bagi mendapatkan kemahiran-kemahiran yang bersesuaian. Dengan yang demikian mereka dapat memainkan peranan yang lebih berkesan dalam memajukan keseluruhan sosio-ekonomi rakyat dan bangsanya.

Berucap ketika merasmikan Simposium Kencing Manis di Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha di sini pada pagi Jumaat lepas, Yang Dimuliakan Menteri Pelajaran dan Kesihatan seterusnya berkata hal itu dilakukan memandangkan kemajuan Negara Brunei Darussalam di masa depan bergantung kepada kualiti

Oleh Jaafar Ibrahim

rakyatnya yang bertanggungjawab dan mempunyai kemahiran yang dapat dibanggakan.

Brunei Darussalam dan rakyatnya, tegas Yang Dimuliakan Pehin adalah beruntung. Di mana keseluruhan rakyatnya berpeluang menikmati taraf perkhidmatan kesihatan yang lebih baik jika dibandingkan dengan negara-negara yang lain.

Kesemuanya itu, jelas Yang Dimuliakan Pehin, adalah menggambarkan usaha yang berterusan pada memelihara kehidupan dan kebajikan rakyat yang dilakukan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan serta sambutan rakyatnya yang melaksanakan terhadap kesihatan awam.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz berharap simposium pada hari itu akan dapat menghasilkan cara-cara yang berkesan pada mencegah penyakit kencing manis di negara ini.

Terdahulu dalam ucapannya, Yang Dimuliakan Menteri Pelajaran dan Kesihatan mengharapkan agar lebih banyak lagi simposium-simposium seumpama itu dikendalikan di masa-masa yang akan datang.

Simposium yang dikendalikan oleh pakar-pakar perubatan Singapura itu diteruskan pada sebelah petang dengan satu majlis forum yang terbuka kepada orang ramai.

Hadir sama di majlis perasmian pada pagi itu termasuklah Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Dato Dr. Haji Johar dan timbalannya, Dato Dr. Haji Hussain serta pegawai-pegawai kanan di kementerian itu.

Lawatan Menteri Kesihatan M'sia

BERAKAS. — Menteri Kesihatan Malaysia, Yang Berhormat Dato Chin Hon Ngian beserta enam orang ahli rombongan telah tiba ke negara ini Isnin lepas bagi lawatan rasmi selama tiga hari.

Sejurus ketibaannya di sini, Yang Berhormat Menteri Kesihatan Malaysia itu mengadakan kunjungan muhibah terhadap Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz di Kementerian Pelajaran dan Kesihatan.

Pagi semalam, Yang Berhormat Dato Chin Hon Ngian dan rombongan melawat kompleks Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. Juga dikunjungi oleh Menteri Kesihatan Malaysia dan rombongan itu semalam ialah Pusat Kesenian dan Pertukangan Tangan di Jalan Residency.

Di sebelah malamnya, Dato Chin Hon Ngian diraikan dalam satu Majlis Jamuan Makan Malam, bertempat di rumah kediaman rasmi Menteri Pelajaran dan Kesihatan Negara Brunei Darussalam.



MENTERI Pelajaran dan Kesihatan, YDM Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz sebelum merasmikan simposium tersebut. Turut hadir ialah Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Dato Dr. Haji Johar, Timbalannya, Dato Dr. Haji Hussain dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pelajaran dan Kesihatan. (Gambar: Hj. Sharbini Taha)

Brunei sertai Tsukuba Expo '85

BANDAR SERI BEGAWAN. — Negara Brunei Darussalam akan bersama 46 buah negara lain ke pameran antarabangsa, Tsukuba Expo '85 yang berlangsung selama 184 hari di Tsukuba Science City, Ibaraki Prefecture, Jepun.

Pameran antarabangsa itu akan bermula dengan satu upacara pembukaan rasmi oleh Putera Mahkota Jepun, Putera Hirohito, pada hari Sabtu, 16 Mac dan akan berakhir dengan satu upacara penutup pada 16 September depan.

Tsukuba Expo '85 bertemakan 'Dwellings and Surroundings' atau 'Perumahan dan Sekitar Sains dan Teknologi bagi manusia di alam sekelilingnya'. Schubungan dengan ini, Negara Brunei Darussalam dalam pameran tersebut telah memilih tema 'Keharmornian Teknologi dan Kebudayaan'.

Selaras dengan tema tersebut, Negara Brunei Darussalam akan memaparkan keharmornian yang telah dicapainya antara perkembangan teknologi dan kebudayaan, di mana meskipun pokok perekonomian negara ialah kapital intensif dan teknologi yang sofistikated, misalnya dalam perindustrian minyak, tetapi telah mampu memelihara dan memperkuat tradisi dan kebudayaan.

Sebagai sebuah negara yang baru merdeka atau baru terkenal dalam dunia antarabangsa, penyertaan Negara Brunei Darussalam ke pameran tersebut lebih bertujuan untuk perhubungan awam, selain untuk memperkenalkan negara kepada sebahagian dunia antarabangsa yang tidak banyak mempunyai pengetahuan mengenainya dan cara kehidupan rakyatnya.

Untuk tujuan itu, pameran Negara Brunei Darussalam dalam expo tersebut disusun dalam tiga bahagian, iaitu memperkenalkan Negara Brunei Darussalam secara umum, perkembangan fizikal dan kebudayaan Negara Brunei Darussalam dan ketiga, terbitan-terbitan Negara Brunei Darussalam, Kaunter Maklumat dan Penjualan.

Kira-kira 22 orang terlibat dalam pameran tersebut. Commissioner General bagi Brunei Darussalam dalam pameran itu ialah Dr. Pengiran Ismail Pengiran Haji Damit, Setiausaha Tetap II Kementerian Pembangunan merangkap Pengarah Kerja Raya dan Dato Paduka Awang Sidek bin Yahya, Setiausaha Tetap di Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan.

Ibu Pejabat Penerangan pindah

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pengarah Penerangan dan beberapa orang pegawai-pegawai Jabatan Penerangan kini telah berpindah ke bangunan bekas Pejabat Pesuruhjaya Tinggi British di Jalan Residency mulai Isnin 11 Mac yang lalu.

Perpindahan itu hanya melibatkan ibu pejabat jabatan berkenaan sahaja, sementara unit-unit lain masih kekal di bangunan lama di Jalan McArthur.

Dari itu semua urusan berhubung dengan pentadbiran hendaklah dihantar atau ditujukan ke Ibu Pejabat Jabatan Penerangan, Jalan Residency.

Nombor-nombor telefon bagaimanapun tidak berubah.

Persediaan peperiksaan S'pura Camb.

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Pelajaran kini sedang mempelawa calon-calon dari aliran Melayu di negara ini bagi memasuki Peperiksaan Sijil Pelajaran Singapura Cambridge peringkat 'O' dan 'A' dalam bulan November depan.

Pemohonan bagi peringkat 'A' hendaklah sekurang-kurangnya telah memperolehi tiga mata pelajaran SAP/GCE peringkat 'O' dalam pelbagai peperiksaan (sekali duduk) atau sebarang peperiksaan yang sebanding dengannya selepas dua tahun.

Calon-calon yang ingin mendaftarkan diri bagi kedua-dua peringkat 'O' dan 'A' dikehendaki dapat menunjukkan dan menjelaskan bukti-bukti gambar dari kelulusan mereka bersama-sama dengan borang pendaftaran masuk.

Syarat-syarat dan borang pendaftaran boleh didapati dari Lembaga Peperiksaan di Bangunan Jabatan Pelajaran, Lapangan Terbang Lama, Berakas dan hendaklah dikembalikan sebelum 7 April dengan beserta dengan bayaran dan sijil-sijil bergambar kepada pihak Lembaga Peperiksaan Brunei.

Pendaftaran ke pra-sekolah

Dari muka 1

Guru Besar Sekolah Rendah Kerajaan yang berdekatan dengan mengisikan 'borang permohonan masuk persekolah' dalam tiga salinan. Surat beranak asal dan dua salinan (photostat) surat beranak kanak-kanak tersebut hendaklah dibawa bagi tujuan penyemakan.

Pengarah Pelajaran dalam surat kelilingnya meminta Guru-guru dan Penyelia Kanan serta Penyelia Sekolah Daerah supaya memberi penerangan kepada ibu bapa dan penjaga kanak-kanak dan orang ramai supaya pendaftaran itu dapat dilaksanakan dengan sempurna.

Guru-guru besar juga hendaklah menyebarkan tarikh pendaftaran dengan memberi maklumat kepada penghulu-

pengulu, ketua-ketua kampung dan penduduk yang berhampiran supaya kelambatan pendaftaran tidak akan berlaku lagi.

Guru-guru Besar juga dikehendaki menghantar salinan-salinan borang berkenaan kepada Penyelia Kanan Sekolah Daerah dan mesti sampai ke Pejabat Pelajaran daerah masing-masing pada atau sebelum 15 Mei 1985.

Murid-murid Tadika/Taman Bimbingan dari sekolah persendirian yang akan memasuki Sekolah-sekolah Rendah Kerajaan hendaklah membuat pendaftaran sebagai kanak-kanak baharu dengan mengikuti syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pelajaran. Surat keterangan dari sekolah berkenaan hendaklah juga dilampirkan bersama-sama borang permohonan.

Brunei moden yg. membangun

Dari muka 3

Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddi semasa Duli Yang Teramat Mulia itu masih berada di atas takhta Kerajaan telah menjadi Akitek Brunei Moden. Dan boleh dikatakan juga kerana kebijaksanaan baginda membuat keputusan, mentadbir dan merancang masa depan Brunei, ketabahan dan keberanian baginda menghadapi segala rintangan dan dugaan telah menjadikan rakyat Brunei sanggup berdikari dan menempuh segala cabaran zaman.

Harus diingat bahawa Brunei menjadi sebuah negara yang dikira unik bukan semata-mata kerana kekayaannya, tetapi juga kerana keBruneian dan keIslamannya.

Dengan asas yang telah disediakan di atas, di samping melihat adanya keupayaan dari pihak Kerajaan dan rakyat untuk memikul tanggungjawab yang lebih besar dan lebih mencabar yang meletakkan Brunei terhormat dan mulia berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan lain-lain bangsa di dunia ini maka satu 'perjanjian' antara Kerajaan Brunei dan British telah dimaterikan pada 7 Januari, 1979 di Bandar Seri Begawan yang menyatakan Brunei akan mencapai kemerdekaan penuhnya lima tahun kemudiannya.

Manakala dalam bulan Jun, 1983 telah diumumkan dengan rasmi bahawa ketetapan bagi tarikh pengisytiharan kemerdekaan tersebut ialah pada 1 Januari, 1984 (lihat Pelita Brunei, Tahun 28, Bil: 22 1 Jun, 1983).



INILAH bekas bangunan Pesuruhjaya Tinggi British di Jalan Residency yang sekarang menjadi Ibu Pejabat Penerangan. (Gambar: Ak. Bahar PHO)